

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @  
SAHIBUDDIN**

**NAIB CANSELOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**PERASMIAN MAJLIS INOVASI & KUALITI UiTM  
CAWANGAN JOHOR 2023**

**“MEREALISASIKAN DAYA TAHAN MELALUI  
JAMINAN KUALITI”**

**21 DISEMBER 2023 | KHAMIS | 12 TENGAHARI**

**HOTEL MUDZAFFAR**

**MELAKA**

Terima kasih pengerusi majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah Zainon**  
Rektor UiTM Cawangan Johor

Yang Berusaha  
Barisan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Johor

**Prof. Madya Dr. Akmal Aini Othman**  
Timbalan Rektor Akademik

**Dr. Basaruddin Shah Basri**  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

**Dr. Faridah Najuna Misman**  
Timbalan Rektor Penyelidikan Dan Jaringan Industri

**Dr. Siti Khadijah Alias**  
Penolong Rektor Kampus Pasir Gudang

**Encik Mohamad Faizul Mohd Ruslan**  
Timbalan Pendaftar Kanan

**Encik Mohammed Affendy Mansor**  
Timbalan Bendahari

**Ts. Ahmad Shahrizan Mohamed Esman**  
Timbalan Pengarah (Pengurusan Fasiliti)

**Puan Mawar Noor Binti Abdullah**  
Timbalan Ketua Pustakawan

Serta  
Warga Kerja UiTM Cawangan Johor Yang Saya  
Hormati Sekalian

**SALUTASI- kemas kini beradasrkan keahdiran**

---

**Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh**

**Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya maka kita dapat bersama-sama hadir untuk menjayakan sambutan **Hari Inovasi dan Kualiti UiTM Cawangan Johor bagi Tahun 2023.**

2. Hari Inovasi ini dianjurkan selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu

agenda utama negara dalam mentransformasikan sektor awam.

3. Justeru, adalah menjadi keutamaan kepada kita, untuk terus mempergiatkan usaha dalam menyemarakkan lagi budaya inovasi, memastikan sistem penyampaian perkhidmatan UiTM yang lebih cepat, cekap dan berkesan.

4. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada semua warga UiTM Cawangan Johor yang terlibat dalam usaha menjayakan Hari Inovasi dan Kualiti UiTM Cawangan Johor, pada tahun ini.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

5. Hari Ini merupakan kesempatan yang pertama, bagi saya bertemu dengan sebahagian daripada warga kerja UiTM Cawangan Johor, sejak saya diberi amanah menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Naib Canselor UiTM.

6. Selaku wakil daripada barisan pengurusan UiTM, suka saya menyatakan, universiti sentiasa menghargai

warga kerja yang telah menyumbang dalam kejayaan dan kesinambungan UiTM.

7. Dengan tema Hari Inovasi kali ini “Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti” diharap warga UiTM dapat menerapkan semangat bekerja yang berkualiti agar kerja yang terhasil mempunyai kualiti dan memberi manfaat yang berterusan.

8. Pada dasarnya, tema ini berkisar pada konsep membina dan mengekalkan daya tahan Universiti melalui pelaksanaan jaminan kualiti yang berkesan. Kita perlu memastikan sistem dan proses kerja dipatuhi berdasarkan garis panduan dan polisi dalam usaha mencapai hasil yang berkualiti tinggi secara konsisten.

9. Daya tahan pula bermaksud UiTM perlu dapat menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam menghadapi pelbagai cabaran.

**Hadirin sekalian,**

10. UiTM adalah satu antara pelbagai wadah kerajaan dalam memperkasakan bumiputera dengan melahirkan mahasiswa yang berkualiti dan memenuhi kehendak majikan.

11. Maka, bagi melahirkan graduan yang berkualiti, apakah resepinya? Memetik kata-kata Allahyarham Tun Arshad Ayub, sejak ditubuhkan dahulu sehingga akhir 1990-an, pensyarah-pensyarah UiTM ditekankan supaya mempunyai hubungan akrab dengan penuntut kerana dengan cara ini kualiti dapat dikekalkan.

12. Sehubungan itu, saya amat berterima kasih kepada warga kerja UiTM, pendidik dan pentadbir atas usaha yang telah dicurahkan kepada anak bangsa. Saya juga amat berterima kasih kepada warga kerja UiTM yang bukan dari kalangan Bumiputera yang ikhlas bersama-sama membantu melahirkan mahasiswa yang berkualiti.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

13. Persekitaran dan ekosistem cara bekerja dalam organisasi mahupun gaya hidup masyarakat perlu dilonjakkan dengan drastik bagi memastikan UiTM terus kekal kompetitif dan berdaya saing melalui pemikiran secara kreatif dan inovatif (thinking out of the box). Senario ini secara tidak langsung menuntut kita selaku penjawat awam khususnya untuk melipatgandakan usaha bagi mencipta pelbagai lagi cetusan idea yang berinovatif dalam sistem penyampaian perkhidmatan seiring dengan arus globalisasi yang semakin berkembang dewasa ini.

14. Justeru, syabas buat bakal pemenang, penerima sijil dan penerima anugerah pada hari ini. Kepada yang tidak terpilih pada tahun ini, terima kasih kerana telah turut sama memberikan sumbangan dalam peningkatan terhadap kreativiti dan inovasi.

15. Saya berharap, pengiktirafan yang diterima ini dapat dijadikan suntikan semangat kepada pemenang

anugerah untuk menghasilkan inovasi yang boleh mengharumkan nama UiTM sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

16. Semoga usaha murni dan kesungguhan dan kegigihan warga kerja UiTM Cawangan Johor ini diberkati dan diredhai Allah SWT.

17. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya merasmikan **Hari Inovasi dan Kualiti UiTM Cawangan Johor bagi Tahun 2023.**

**Sekian,**

**Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**